

SULIT

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 12 TAHUN 2022**

**TARIKH : 27 DISEMBER 2022 (SELASA)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**HADIR**

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P.**  
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Cik Ang Lee Yong**  
Ahli Majlis
3. **Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman**  
Ahli Majlis
4. **Encik Wong Kim Loon**  
Ahli Majlis
5. **Encik Nadasan a/l Subramani**  
Ahli Majlis
6. **Encik Haridass a/l Ramasamy**  
Ahli Majlis
7. **Encik Gan Yee Chin**  
Ahli Majlis
8. **Encik Lim Tou Yih**  
Ahli Majlis
9. **Encik Razali bin Ahmad**  
Ahli Majlis
10. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**  
Ahli Majlis
11. **Puan Rahimah binti Harun**  
Ahli Majlis
12. **Encik Yong Keh Chyn**  
Ahli Majlis
13. **Encik Abu Bakar bin Mohamad**  
Ahli Majlis

14. **Encik Naharanuar bin Ayob**  
Ahli Majlis
15. **Puan Rogayah binti Ibrahim**  
Ahli Majlis
16. **Encik Norazmi bin Mohamed Tahir**  
Ahli Majlis
17. **Encik Lim Lip Suan**  
Ahli Majlis
18. **YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.**  
Ahli Majlis
19. **Encik Tan Wee King**  
Ahli Majlis
20. **Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy**  
Ahli Majlis
21. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**  
Ahli Majlis
22. **Encik Abd Razak bin Ramli**  
Ahli Majlis
23. **TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, A.M.S., P.P.T., P.K.T.**  
Setiausaha, MPKL

#### **TURUT HADIR**

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**  
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**  
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan & Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
3. **Encik Kamarulzaman bin Ahmad, P.J.K.**  
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
4. **Puan Lisawati binti Abd. Karim**  
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. **Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap, P.J.K.**  
Wakil Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**  
Pengarah Jabatan Landskap

7. **Puan Nordila binti Yasir**  
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**  
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Puan Norain binti Mohamed**  
Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
10. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**  
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
11. **Puan Hashila binti Hamzah**  
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
12. **Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, P.P.T.**  
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
13. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**  
Ketua Unit Audit Dalam
14. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**  
Ketua Unit Perundangan
15. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**  
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
16. **Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim, P.P.T.**  
Ketua Unit Pusat Setempat
17. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**  
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. **Y.D.M. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**  
*D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*  
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya  
Orang Besar Daerah Kuala Langat
2. **Encik Mohd Safiee bin Harun**  
Ahli Majlis
3. **Encik Zulkipli bin Said**  
Ahli Majlis

#### **DIJEMPUT HADIR**

1. **Y.M. Raja Redzuan Shah bin Raja Iskandar Shah**  
Jurutera Daerah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kuala Langat

2. **Cik Nur Ain binti Husain**  
AMS Services Sdn. Bhd.
3. **Encik Mohd Taha bin Abd Wahab**  
MZMS Consult
4. **Encik Aizul Adli bin A Aziz**  
AMS Services Sdn. Bhd.
5. **Encik Amirul Ikhsan bin Ambia**  
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor
6. **Encik Mohd Nazari bin Mokhtar**  
Air Selangor Daerah Kuala Langat
7. **Puan Nor Aina binti Mohamed Nawawi**  
Air Selangor Daerah Kuala Langat
8. **Encik Alif Adzwin bin Mohd Raman**  
Air Selangor Daerah Kuala Langat
9. **Ir. Harun Al-Fayed**  
Gamuda Sdn. Bhd.
10. **Encik Wan Md. Zainuddin bin Abd. Majid**  
Taliworks Corporation Berhad
11. **Encik Au Kok Sing**  
Taliworks Corporation Berhad

#### **URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**  
Pegawai Tadbir
2. **Puan Rosmawati binti Othman**  
Pembantu Setiausaha Pejabat
3. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**  
Pembantu Setiausaha Pejabat
4. **Encik Mohd Sahlan bin Tukiran**  
Pembantu Operasi
5. **Encik Mohd Shahril bin Sairon**  
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA		TINDAKAN
1.0	<b>BACAAN DOA</b>		
		Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Mohd Shauki bin Jamaludin, Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan.	<b>Makluman</b>
2.0	<b>PEMBENTANGAN TAKLIMAT</b>		
	2.1	<p><b>PENERANGAN BERKAITAN PROJEK PEMULIHARAAN PANTAI MORIB OLEH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN DAERAH KUALA LANGAT</b></p> <p>Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di <b>Lampiran A</b>.</p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan tersebut yang merupakan projek kawalan hakisan di Pantai Morib oleh pihak JPS dan akan dijadikan sebagai tambahan kawasan rekreasi Pantai Morib yang sedia ada. Cadangan adalah selaras dengan Garis Panduan dan Piawaian Pembangunan Di Pesisiran Pantai dalam Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Keempat. Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju untuk cadangan ini dikecualikan daripada permohonan Kebenaran Merancang. Pihak JPS hanya perlu mengemukakan pelan cadangan pembangunan kepada pihak MPKL sebagai rekod dan rujukan bagi penyelarasan pembangunan lain di sekitar Pantai Morib seperti cadangan laluan kabel dasar laut oleh pihak Telekom Malaysia.</p>	<b>Makluman</b>
	2.2	<p><b>PEMBENTANGAN PROJEK CADANGAN PEMBANGUNAN SKIM BEKALAN AIR SUNGAI RASAU (RASAU) OLEH AIS MANAGEMENT SERVICES SDN. BHD.</b></p> <p>Taklimat telah disampaikan untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di <b>Lampiran B</b>.</p>	<b>Makluman</b>

3.0	<b>UCAPAN Pengerusi</b>		
	<p>YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.</p> <p>Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut :</p>		
	3.1	<p>Pihak Majlis mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa kejadian tanah runtuh di Father Organic Farm, Batang Kali yang berlaku pada 16 Disember 2022 melibatkan 92 mangsa dimana 61 orang selamat dan 31 orang telah terkorban.</p>	<b>Makluman</b>
	3.2	<p>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 22/2022 telah bersetuju untuk mengesyorkan pemakaian pelitup muka kepada penyedia/pengendali/peniaga makanan dan minuman di Negeri Selangor mulai Oktober 2022.</p>	<b>Makluman</b>
	3.3	<p>Pihak Majlis menyeru kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan MPKL untuk memaklumkan kepada penduduk di zon masing-masing supaya bersama-sama menjaga kemudahan fasiliti yang disediakan oleh MPKL dengan baik bagi mengelakkan vandalisme.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi menyatakan rekod kerja-kerja penyelenggaraan di Dataran Banting menunjukkan kos yang tinggi iaitu RM 216,134.09 pada tahun 2020 dan RM 144,880.00 pada tahun 2021.</p>	<b>Makluman</b>
	3.4	<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat di atas Kejohanan Regata Terbuka Perahu Layar MSA-MILO-MPKL/NSC Kali Ke-37 pada 15 hingga 18 Disember 2022 di Pantai Batu Laut. Kejohanan ini telah disertai oleh 150 peserta melibatkan 19 acara melalui tiga (3) kategori.</p>	<b>Makluman</b>
	3.5	<p>Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan MPKL bersama-sama Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat telah mengadakan Tayangan <i>Big Screen Final FIFA World Cup 2022</i> dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Futsal &amp; Bola Jaring Antara Jabatan MPKL pada 18 Disember 2022 di Kompleks Sukan MPKL.</p>	<b>Makluman</b>

		<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis yang sudi hadir bagi memeriahkan program tayangan tersebut. Pelbagai acara telah diadakan seperti cabutan bertuah dan <i>mini game</i> seperti Timang Bola dan Sepak Penalti. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Johan Kejohanan Futsal iaitu Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dan Johan Kejohanan Bola Jaring iaitu Pasukan Suasa (JKPM, JL &amp; JPSPKP).</p>	
	3.6	<p>Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat, Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan Hikers Training Consultant akan mengadakan Explorace Pusing Kuala Langat Dulu pada 31 Disember 2022. Yuran penyertaan adalah RM 100.00/pasukan melibatkan kategori terbuka 4 orang sepasukan.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi meminta program ini dihebahkan kepada orang ramai kerana ia mengetengahkan Kuala Langat.</p>	<b>Makluman</b>
	3.7	<p>Pihak Majlis akan mengadakan Majlis Apresiasi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MPKL Tahun 2022 dan Majlis Sanjung Budi, Lambaian Kasih pada 2 Januari 2023 di Hotel Double Tree by Hilton, Putrajaya. Tema pakaian adalah '<i>Jeans &amp; Leather</i>'. Semua Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan serta Ketua Unit adalah dijemput hadir bersama pasangan masing-masing.</p>	<b>Makluman</b>
	3.8	<p>Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat bersama-sama Jabatan Perancangan Pembangunan akan mengadakan Program Hari Rendah Karbon@ Bandar Rimbayu pada 7 Januari 2023 di Jalan Flora 2, Bandar Rimbayu. Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah Eco Paint, Eco Urban Picnic, Eco Fashion Show, Sukan Rakyat, Bird Petting, Eco Fun Run 5km dan Push Bike.</p>	<b>Makluman</b>

3.9	<p>Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengingatkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya mempergiatkan pelaksanaan tindakan proaktif untuk mengurangkan risiko banjir kilat semasa Monsun Timur Laut pada bulan November 2022 hingga Mac 2023. Antara langkah-langkah yang disarankan ialah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenal pasti kawasan parit, longkang, pembedung dan kolam takungan yang berisiko menyebabkan kejadian banjir;</li> <li>2. Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang dan kolam takungan bagi melancarkan aliran air dengan tindakan seperti : <ol style="list-style-type: none"> <li>2.1 Membuang kotoran atau longgokan sampah yang terdapat di dalam parit atau 'sump';</li> <li>2.2 Memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air; dan</li> <li>2.3 Memperbaiki sistem perparitan, longkang dan pembedung yang rosak atau menaik taraf parit yang berisi padu rendah.</li> </ol> </li> <li>3. Memantau dan memastikan pemaju projek pembangunan supaya sentiasa menyelenggara parit, longkang, pembedung dan kolam takungan serta menjaga kebersihan kawasan pembangunan; dan</li> <li>4. Memastikan anggota, fasiliti, peralatan dan jentera milik PBT sentiasa siapsiaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan banjir.</li> </ol>	<b>Makluman</b>
3.10	<p>Pihak Majlis telah mengaktifkan Bilik Gerakan Bencana MPKL di Kediaman Rasmi YDP, Telok Datok yang masih beroperasi selama 24 jam mengikut giliran petugas daripada Skwad PANTAS dan jabatan dalaman MPKL. Petugas di Bilik Gerakan Bencana MPKL boleh dihubungi melalui nombor 012-3004256 dan 012-3004180.</p>	<b>Makluman</b>

3.11	<p>Jabatan Perbendaharaan memberi peluang terakhir bagi penyelesaian kompaun parkir tertunggak sempena Kempen Pengurangan Kompaun Tempat Letak Kereta sehingga 31 Disember 2022. Tawaran pengurangan ialah RM 10.00 bagi kompaun tahun 2020 hingga tahun terkini dan RM 15.00 bagi kompaun tahun 2019 dan tahun sebelum.</p>	<b>Makluman</b>
3.12	<p>Kaunter Khas Pembaharuan Lesen Perniagaan Tahun 2023 telah dibuka dari 1 November hingga 30 Disember 2022 di ruang legar MPKL. Orang ramai dinasihatkan supaya memperbaharu lesen perniagaan sebelum 1 Januari 2023 bagi mengelakkan caj lewat sebanyak 20%.</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi meminta kaunter khas tersebut dibuka pada 31 Disember 2022 bagi memudahkan urusan orang awam.</p>	<b>Makluman</b>
3.13	<p>Pengoperasian kaunter pandu lalu pejabat MPKL akan bermula pada 5 Januari 2023 melibatkan waktu berikut :</p> <p>Isnin – Khamis : 9.00 pagi – 5.00 petang  Jumaat : 9.00 pagi – 5.00 petang  Sabtu, Ahad &amp; Cuti umum : Tidak beroperasi</p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi meminta kaunter pandu lalu ini dibuka pada waktu rehat dengan penggiliran kakitangan yang bertugas. Selain itu, beliau meminta JKP menyelaraskan semula masa operasi kaunter jabatan-jabatan MPKL pada waktu rehat supaya terdapat kakitangan yang bertugas pada waktu tersebut.</p>	<b>Makluman</b>
3.14	<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Tuan Timbalan Yang Dipertua, Pengarah-pengarah, Ketua Unit dan warga kerja MPKL atas dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan sepanjang tahun 2022. Beliau berharap semua pihak dapat mengekalkan momentum budaya kerja yang positif untuk tahun 2023 bagi penyampaian perkhidmatan MPKL yang terbaik.</p>	<b>Makluman</b>

<b>4.0</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>		
	<b>4.1</b>	<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 11 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 NOVEMBER 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Tan Wee King tanpa pindaan.	<b>Makluman</b>
<b>5.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
		- TIADA -	
<b>6.0</b>	<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :</b>		
	<b>6.1</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 12 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 DISEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	<b>6.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 12 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 DISEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	

	6.3	<p align="center"><b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 12 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 DISEMBER 2022.</b></p>	
		<p>Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :</p>	
	6.3.1	<p><b><u>Perkara 5.1.5</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan banyak jalan lot yang rosak termasuk di zon beliau. Namun PDT Kuala Langat meminta projek penurapan semula jalan lot ini dipohon kepada Pejabat Y.B. ADUN Kawasan.</p> <p><i>Tuan Setiausaha memaklumkan kebanyakan jalan tersebut tidak berada atas rizab jalan dan menyebabkan PDT Kuala Langat memohon Ahli Majlis menggunakan peruntukan Y.B. ADUN Kawasan untuk pembaikan.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi mengesyorkan kepada Ahli Majlis untuk mengumpulkan dan memberikan nama-nama jalan yang berkenaan kepada pihak Majlis untuk dikemukakan kepada PDT Kuala Langat supaya senarai nama jalan tersebut dimasukkan ke dalam Sistem MARRIS Online PDT Kuala Langat.</i></p>	JK
	6.3.2	<p><b><u>Perkara 5.4.13</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan Road Gang lambat mengambil tindakan terhadap aduan jalan berlubang.</p> <p><i>Pengarah JK menyatakan pembaikan kerosakan jalan berlubang yang tidak kritikal akan dilakukan oleh Road Gang dalam tempoh 24 jam selepas aduan diterima dan berdasarkan keadaan jalan tersebut. Manakala kerosakan jalan yang teruk, pembaikan akan dilakukan oleh kontraktor yang akan dilantik. Sebagai langkah awalan, papan tanda amaran kerosakan jalan akan diletakkan supaya orang awam akan berhati-hati Ketika menggunakan jalan tersebut.</i></p>	Makluman

	<b>6.4</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 12 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 DISEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	<b>6.4.1</b>	<p><b><u>Perkara 5.5.1</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin membangkitkan mengenai proses pembaharuan lesen yang melibatkan gerai/kedai kecil dalam pasar raya besar yang perlu menunjukkan gambar tong sampah. Beliau memaklumkan gerai/kedai kecil tersebut telah disediakan tempat pengumpulan sampah berpusat oleh pihak pasar raya. Beliau berpendapat JPL boleh memberikan kelonggaran syarat kepada pemohon tersebut.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan pihak Jabatan telah melihat semula perkara ini dan tidak lagi meminta gambar tong sampah daripada pemilik premis termasuk kiosk di pasar raya.</i></p>	<b>Makluman</b>
	<b>6.5</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 12 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 DISEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
	<b>6.6</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 12 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 DISEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	

	6.7	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 12 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 DISEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	
7.0		<b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>	
	7.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 21 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 2 NOVEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	7.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 22 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 15 NOVEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
	7.3	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 23 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 22 NOVEMBER 2022.</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	
8.0		<b>HAL-HAL LAIN</b>	
	8.1	Cik Ang Lee Yong membangkitkan mengenai surat pelantikan Ahli Majlis baru yang masih belum diedarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Beliau memohon pertimbangan YBhg. Dato' Pengerusi untuk membenarkan Ahli Majlis membuat perbelanjaan untuk program sempena Tahun Baru Cina dan dibenarkan	

		<p>membuat tuntutan jika dilantik semula sebagai Ahli Majlis sesi baharu.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi bersetuju membenarkan Pengerusi MPP membuat tuntutan perbelanjaan program untuk Tahun Baru Cina jika dilantik semula sebagai Ahli Majlis sesi baharu. Manakala Ahli Majlis yang tidak dilantik semula adalah tidak dibenarkan membuat tuntutan perbelanjaan tersebut.</i></p>	<b>JKPM</b>
<b>9.0</b>	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Lim Tou Yih.		
	9.1	<p>Beliau mengucapkan salam sejahtera dan selamat pagi kepada YBhg. Dato' Pengerusi, Tuan Timbalan Yang Dipertua, semua Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.</p> <p>Beliau memohon maaf diatas kekhilafan yang telah dilakukan sepanjang tempoh masa ini dan berharap semua pihak dapat memaafkan kekhilafan tersebut.</p>	<b>Makluman</b>
	9.2	<p>Beliau mengucapkan segunung penghargaan kepada semua pihak sama ada kakitangan yang telah bersara, meninggalkan MPKL atau yang masih berkhidmat dengan MPKL kerana telah memberikan kerjasama dan bimbingan yang ikhlas sepanjang lapan (8) tahun berkhidmat sebagai Ahli Majlis MDKL dan MPKL.</p> <p>Walaupun ini merupakan ucapan yang terakhir di Mesyuarat MPKL yang terakhir untuk sesi ini tetapi jasa bakti dan persahabatan yang terjalin akan tersemat dalam hati untuk seumur hidup.</p>	<b>Makluman</b>
	9.3	<p>Dalam beberapa hari lagi Tahun Baru 2023 akan tiba. Segala perkara yang berlaku sebelum ini sama ada manis atau pahit, biarlah disimpan dalam kenangan dan pengalaman untuk masa hadapan.</p> <p>Beliau mengimpikan MPKL dijadikan tunjang utama yang proaktif dalam pembangunan ekonomi dan perpaduan masyarakat setempat. Ini akan menjadikan Kuala Langat sebuah daerah yang paling makmur dan</p>	<b>Makluman</b>

		<p>harmoni. Kebijaksanaan, kerajinan dan usaha adalah tangga kejayaan.</p> <p>Beliau menzahirkan rasa keyakinan terhadap barisan kepimpinan dan pentadbiran MPKL yang mantap dan gigih pasti dapat merealisasikan impian tersebut dan mencapai kejayaan yang besar dalam jangka masa 10 tahun yang akan datang.</p>	
	9.4	Akhir kata, beliau mendoakan semua Ahli Majlis dan warga kerja MPKL akan sentiasa berjaya dalam kehidupan dan mendapat keberkatan daripada tuhan.	<b>Makluman</b>
<b>10.0</b>	<b>UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi</b>		
		<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Lim Tou Yih di atas ucapan penangguhan yang diberikan. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang bersama-sama dengan MPKL sehingga tahun 2022 ini. Beliau berharap budaya kerja, produktiviti dan semangat kerja yang jitu dan cemerlang ini dapat diteruskan pada tahun 2023.</p> <p>Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.</p>	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.55 pagi.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,  
 Jabatan Khidmat Pengurusan  
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh siap : 28/12/2022

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT  
BILANGAN 12 TAHUN 2022**

Disemak oleh :



.....  
**(TPr HAJI ARPAAII BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)**  
Setiausaha,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh *Encik Tan wee king*  
dan disokong oleh *Encik Haridas a/l Ramasamy tanpa pindaan.*

**PETUNJUK :**

- |            |   |   |
|------------|---|---|
| 1. JKP     | - | JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN                                    |
| 2. JP      | - | JABATAN PERBENDAHARAAN  |
| 3. JPPH    | - | JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA                        |
| 4. JPL     | - | JABATAN PELESENAN   |
| 5. JPP     | - | JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN                               |
| 6. JK      | - | JABATAN KEJURUTERAAN  |
| 7. JKB     | - | JABATAN KAWALAN BANGUNAN                                      |
| 8. JL      | - | JABATAN LANDSKAP  |
| 9. JKPM    | - | JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT                   |
| 10. JPK    | - | JABATAN PENGUATKUASAAN  |
| 11. JPSPKP | - | JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN<br>KESIHATAN PERSEKITARAN |
| 12. BTM    | - | BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT                                   |
| 13. UU     | - | UNIT PERUNDANGAN  |
| 14. UAD    | - | UNIT AUDIT DALAM  |
| 15. OSC    | - | UNIT PUSAT SETEMPAT   |
| 16. COB    | - | UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN                                     |
| 17. UPUB   | - | UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN                                 |
| 18. BSP    | - | PEJABAT CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA                         |